

**PILIHAN RAYA DAN HEGEMONI POLITIK:
SATU ANALISIS
PILIHAN RAYA DUN SARAWAK 2001**

ZAINI OTHMAN

Pendahuluan: Pilihan raya Dalam Konteks Sistem Demokrasi

Aspek penyertaan politik oleh rakyat adalah sifat utama yang mesti wujud pada sesebuah sistem demokrasi. Penyertaan rakyat boleh dimanifestasikan dalam pelbagai bentuk dan cara; secara formalnya penyertaan rakyat digambarkan melalui proses pembuangan undi dan menyertai kempen pilihan raya kepada mana-mana calon yang bertanding; sementara secara tidak formal dapat diteliti melalui usaha-usaha yang bersifat tarikan peribadi terhadap dasar-dasar kerajaan yang tidak efektif. Apa yang penting dalam konteks ini ialah suara rakyat hendaklah di dengar.

Di dalam era negara-bangsa, amalan demokrasi langsung sebagaimana yang pernah dipraktik di Athens adalah suatu yang mustahil hendak diamalkan sekarang. Justeru kebanyakan negara demokrasi yang wujud pada hari ini adalah bersifat secara tidak langsung, sama ada yang berbentuk parlimen, presiden, federal atau republikan. Bermakna dalam konteks demokrasi moden, rakyat tidak terlibat di dalam proses pembuatan dasar kerajaan atau negara, tetapi rakyat terlibat di dalam proses pemilihan pemimpin yang bakal menggubal sesuatu undang-undang atau dasar kerajaan. Secara logiknya (malah di kalangan pengkaji dan pemerhati politik turut bersetuju terhadap logik ini), bahawa tidak ada suatu bentuk sistem politik yang mampu untuk kekal 'demokrasi' sekiranya dikuasai terlalu lama oleh sesetengah pemimpin atau kumpulan tertentu². Adalah suatu bentuk pengujian yang amat besar terhadap demokrasi bagi memastikan kepimpinannya tidak korup dan yang amat penting demokrasi mampu untuk mewujudkan proses penggiliran kuasa di kalangan pemimpin yang ada.

Sebagai contoh, demokrasi yang diamalkan di Amerika Syarikat menetapkan tempoh tidak lebih daripada dua penggal bagi individu yang sama untuk bertanding merebut jawatan Presiden Amerika. Sementara pilihan raya pula diamalkan dengan baik dan rakyat tidak merasa takut

untuk turut serta dalam proses pilihan raya tersebut. Dan ini bertepatan dengan falsafah demokrasi itu sendiri yang menyatakan bahawa di dalam sistem demokrasi mesti wujud satu mekanisme (dalam konteks ini pilihan raya) yang konsisten bagi memastikan individu, kumpulan atau parti politik untuk tidak berkuasa terlalu lama di tampok pemerintahan. Mekanisme tersebut mestilah 'dihormati', agar ianya dapat dipraktikan secara adil dan tanpa rasa takut³.

Justeru, dalam konteks sistem demokrasi moden hari ini, pilihan raya telah di peraku sebagai salah satu bentuk institusi yang melambangkan, sama ada secara abstrak atau empiri, penyertaan rakyat ke dalam sistem tersebut. Malah sarjana-sarjana sains politik seperti Lipset (1960), Dahl (1971), Held (1993), dan lain-lain, dalam perbahasan mereka berhubung dengan sistem demokrasi telah menyenaraikan pilihan raya sebagai salah satu ciri penting sistem demokrasi yang mesti wujud pada mana-mana masyarakat atau negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Sebagai contoh, sering kali dalam kajian-kajian yang bertujuan untuk mengukur darjah demokrasi sesebuah sistem politik, institusi pilihan raya digunakan sebagai kayu pengukur⁴.

Berasaskan kepada premis diataslah dalam konteks pemahaman dan perbahasan intelektual sistem demokrasi moden masa kini, pilihan raya telah diinstitusikan sebagai satu 'ruang' yang bukan sahaja untuk rakyat memilih pemimpin, tetapi juga sebagai 'ruang' untuk mana-mana entiti masyarakat samada individu, kumpulan atau organisasi bersaing untuk 'merebut' kuasa bagi menguasai tampok kuasa pemerintahan; yang mana 'ruang' yang wujud di dalam institusi pilihan raya tersebut telah dipersetujui sebagai suatu bentuk 'ruang' yang bebas dari mana-mana kawalan, pengaruh mahupun hegemoni politik. Persoalannya disini, apakah benar premis yang menyatakan bahawa pilihan raya sebagai satu syarat demokrasi itu benar-benar mewakili *notion* demokrasi; seterusnya 'ruang' nya bebas sama ada secara intelektual ataupun non-intelektual?⁵ Dengan bersandarkan kepada amalan dan perkembangan demokrasi dan institusi pilihan raya di Malaysia sebagai sumber empiri, khususnya pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak 2001 yang lalu, persoalan ini akan cuba dikupas di dalam perbincangan seterusnya. Justeru bab ini mempunyai tiga tujuan yang utama. Pertama, meneliti dan membahaskan konsep dan amalan demokrasi, khususnya pilihan raya di Malaysia. Kedua, meninjau sejauhmanakah pilihan raya merupakan petunjuk demokrasi yang benar-benar menggambarkan falsafah ruang persaingan politik yang saksama. Ketiga, mengemukakan suatu penjelasan alternatif terhadap persoalan kegagalan pembangkang untuk menyaingi hegemoni politik Barisan Nasional.

Demokrasi & Pilihan raya di Malaysia

Salah satu ciri sepunya berhubung dengan demokrasi (termasuklah institusi pilihanraya) yang terdapat di kebanyakan negara-negara bekas tanah jajahan (khususnya British), termasuk Malaysia ialah idea demokrasi adalah satu idea berhubung dengan pemerintahan yang 'diperkenalkan' oleh penjajah/koloni. Dalam erti kata lain idea demokrasi di kebanyakan negara bekas tanah jajahan bukannya tumbuh atau berkembang sebagaimana di barat; iaitu hasil daripada kesedaran sosial masyarakat terbanyak berhubung dengan hak rakyat dalam proses politik yang akhirnya mencetuskan Revolusi Perancis, Revolusi Industri yang seterusnya merubah keseluruhan sistem politik dan ekonomi masyarakat di barat (Eropah) pada abad ke 18 dan 19.

Malaysia, sewaktu mencapai kemerdekaan daripada British pada 31 Ogos 1957, pada awalnya agak di ragukan 'keupayaannya' untuk mengurus hal kenegaraan dan kemasyarakatan tanpa bantuan daripada British. Keraguan tersebut banyak berkait rapat dengan kemajmukan masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum dan kompleks latar budayanya. Atas hakikat tersebut jugalah British sebelum bersetuju untuk memberikan taraf kemerdekaan kepada Malaysia [Tanah Melayu pada waktu itu], mensyaratkan agar pemimpin-pemimpin politik tempatan yang terdiri dari pelbagai kaum itu mampu menunjukkan kerjasama politik di kalangan mereka⁶.

Kerjasama tersebut berjaya di bentuk secara tidak 'sengaja' di antara UMNO (United Malays National Organisation) dan MCA (Malaysian Chinese Association) di dalam satu pilihan raya majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952⁷. Bertolak daripada saat itulah kerjasama tersebut telah diperkukuhkan dengan terbentuknya kerjasama yang lebih besar dan meluas di antara UMNO, MCA dan MIC (Malayan India Council) di peringkat nasional pada tahun 1955 melalui penubuhan PERIKATAN. PERIKATAN telah berjaya memenangi pilihan raya pertama Malaysia pada tahun tersebut (1955) yang diketuai oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman (kemudiannya Perdana Menteri Malaysia pertama).

Semenjak dari tahun tersebut sehinggalah kepada pilihan raya umum yang terkini (iaitu pada tahun 1999), PERIKATAN [kemudiannya di kenali sebagai Barisan Nasional pada tahun 1973 sehingga kini], adalah satu-satunya parti politik yang bukan sahaja menguasai tampok pemerintahan, malah memenangi kesemua 11 pilihanraya umum yang telah diadakan. Banyak penjelasan dan perbahasan yang telah dibuat bagi menghuraikan fenomena tersebut. Kebanyakan sarjana seperti Barraclough (1984), Case (1993), Jesudason (1995), Anne-Munro (1996) dan Crouch

(1996) menghujahkan bahawa kejayaan Barisan Nasional menguasai tampok pemerintahan dan seterusnya memenangi setiap pilihan raya yang diadakan disebabkan oleh dasar-dasar *purposive-depoliticization* yang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional, seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Hasutan (AH), Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Pendaftaran Pertubuhan (APP) dan penguasaan Barisan Nasional ke atas aparat-aparat pemerintah seperti Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Pentabiran Awam (PA), Jabatan Penerangan, Pasukan Keselamatan dan lain-lain yang berkaitan. Bentuk dasar tersebut telah memberi kelebihan kepada Barisan Nasional untuk menghalang saingan politik yang diwujudkan oleh pihak pembangkang khususnya dalam pilihan raya dan seterusnya mengekalkan status quo⁸.

Tidak dinafikan bahawa hujah yang diutarakan oleh sarjana-sarjana tersebut mempunyai kekuatan penjelasan ilmiah yang tersendiri, khususnya apabila kita menilai dan menganalisis demokrasi dan institusi pilihan raya di Malaysia berasaskan kepada kaedah analisis satu kes terhadap satu kes. Namun, hujah tersebut gagal untuk menjelaskan kejayaan Parti Liberal Mexico mengalahkan Parti Tindakan Revolusi (PTR) yang menguasai politik Mexico selama lebih 77 tahun dalam pilihan raya nasional Mexico 1997. Demikian juga halnya dengan kejayaan Parti Liberal-Demokratik Taiwan menewaskan Parti Kuomintang (PK) yang hampir 40 tahun lebih menguasai politik Taiwan dalam pilihan raya nasional negara tersebut pada tahun 1999. Kes yang sama juga dapat diperhatikan dalam konteks kegagalan Parti Golkar mempertahankan dominasinya di dalam struktur pemerintahan Indonesia sewaktu era reformasi di negara tersebut. Hal ini amat menarik untuk diberikan suatu penghujahan alternatif (dalam konteks Malaysia amnya dan Sarawak khususnya) kerana parti politik seperti PTR, PK dan juga Golkar adalah parti-parti politik yang begitu dominan menguasai aparat-aparat pemerintahan di negara masing-masing⁹.

Dalam konteks Malaysia amnya dan Sarawak khususnya, keupayaan pemerintah sama ada di peringkat kerajaan Pusat mahupun kerajaan Negeri menguasai persaingan politik dan seterusnya memenangi pilihan raya memerlukan kepada suatu bentuk analisis sosial yang melangkaui perspektif analisis yang bersifat institusional seperti mana yang disandarkan oleh sarjana-sarjana yang dinyatakan di dalam penghujahan mereka berhubung dengan fenomena hegemoni politik Barisan Nasional di Malaysia.

Sebagaimana yang telah diperjelaskan secara sepintas lalu di awal perbincangan, bahawa idea demokrasi seperti pilihan raya dan pemilihan perwakilan adalah suatu bentuk idea pemerintahan yang diperkenalkan

oleh barat (baca British) ke dalam orientasi budaya politik masyarakat di Malaysia. Ini tidak bermakna bahawa pendedahan idea pemerintahan yang berasaskan kepada demokrasi tersebut sama sekali telah merubah orientasi budaya politik feudal yang telah sekian lama bertapak dan bertunjang di dalam nilai dan norma politik masyarakat Malaysia hari ini. Malah, idealisme pemerintahan demokrasi yang diamalkan di Malaysia selepas era-kolonial dilihat 'diadun' bersama dengan nilai dan norma politik yang bersifat feudal.

Fenomena tersebut dapat di lihat dan di teliti dengan jelas melalui perkembangan dan pembangunan demokrasi di Malaysia di bawah kepimpinan politik Barisan Nasional. Pemerintah Barisan Nasional umpamanya, selepas memperolehi kemerdekaan pada tahun 1957, dalam konteks pengurusan negara dan masyarakat sama ada dalam aspek ekonomi, politik dan sosial, mempromosi idealisme *patronaged democracy*. Menerusi idealisme *patronaged democracy*, elit politik melalui pembentukan PERIKATAN (kemudiannya di kenali sebagai Barisan Nasional), ide parti *vanguard* diserlahkan dalam konteks orientasi politik masyarakat. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (*United Malays National Organisation* atau UMNO), salah satu parti komponen Barisan Nasional, amat jelas mempraktikkan ide ini dalam konteks orientasi budaya politik masyarakat Melayu selepas merdeka. UMNO, dalam usaha untuk memperolehi sokongan politik masyarakat Melayu meletakkan parti tersebut sebagai parti yang mewakili kepentingan politik masyarakat Melayu di Malaysia. Dalam erti kata lain, UMNO memberikan mesej politik kepada masyarakat Melayu bahawa kesejahteraan, perlindungan hak Melayu di Malaysia, serta pembangunan sosio-ekonomi bergantung kepada *kesetiaan sokongan politik* terhadap UMNO¹⁰.

Tuntutan terhadap kesetiaan sokongan politik bukan sahaja menyerlahkan penerusan nilai dan norma feudal yang terkandung didalam konteks feudalisme masyarakat Melayu di era pemerintahan beraja (monarki), tetapi juga menyingkap hegemoni intelektual UMNO ke atas masyarakat Melayu dalam konteks amalan sistem pemerintahan demokrasi era selepas kolonial. Fenomena hegemoni-intelektual¹¹ UMNO ke atas perkembangan dan pembangunan orientasi budaya politik masyarakat Melayu pasca-kolonial merupakan faktor abstrak yang menyumbang kepada keupayaan UMNO dan meletakkan parti tersebut sebagai imej parti *vanguard* dalam melindungi kepentingan politik masyarakat Melayu, seterusnya menerima kesetiaan sokongan politik.

Idealisme yang sama juga turut terserlah dipraktikkan oleh parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain seperti Malaysian Chinese Association (MCA), Malaysian Indian Association (MIC), Parti GERAKAN, Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB), Parti Bansa Dayak

Sarawak (PBDS) di Sarawak, UMNO-Sabah. Kesemuanya mempraktis idealisme parti *vanguard* melalui hegemoni intelektual terhadap kelompok penyokong politik di dalam usaha untuk meraih kesetiaan sokongan politik. Maka, tidak hairanlah kalau diperhatikan, amalan demokrasi khususnya pilihan raya selepas pasca-merdeka lebih menonjolkan kepada pemilihan dan persaingan politik yang berteraskan intelektualisme kaum atau orientasi etnik.

Fenomena ini tidak hanya tertumpu di dalam aspek politik sahaja. Perluasan imej parti *vanguard* dan hegemoni intelektual pemerintah turut di perluaskan di dalam konteks orientasi pembangunan ekonomi. Dengan bersandarkan kepada strategi kestabilan dan keharmonian kaum, pemerintah Barisan Nasional di Malaysia, khususnya selepas tragedi 13 Mei 1969¹², telah mengimplementasi dasar pembangunan ekonomi yang bertunjangan kepada idealisme pemerintah berorientasikan pembangunan (*developmentalist state*) yang dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru (DEB). Pendekatan pemerintah berorientasikan pembangunan ini mempunyai ciri-ciri asas yang tertentu: pemerintah memainkan peranan yang utama dalam menentukan citra pembangunan ekonomi yang hendak dijalankan dan orientasi pembangunan yang digerakkan oleh pemerintah adalah bersifat kepentingan nasional (*national interest*), perlindungan (*protection*), kawalan dasar (*policy control*).

Peranan dan campurtangan pemerintah menurut Green (1974)¹³ dalam perlaksanaan dasar-dasar yang bersifat pembangunan ekonomi adalah amat perlu terhadap negara dan masyarakat yang mempunyai struktur sosial yang kompleks, samada dari sudut kepelbagaian bangsa atau jurang sosial masyarakatnya yang begitu ketara berbeza. Maka, dalam konteks inilah dapat kita perhatikan di sekitar tahun 1960an dan juga 1970an, muncul semacam suatu semangat yang optimis terhadap pendekatan ini, khususnya dalam membangunkan ekonomi di negara-negara yang sedang membangun, termasuk Malaysia, iaitu melalui DEB.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) Dan Pengukuhan Hegemoni Politik Pemerintah

DEB mula diperkenalkan melalui Rancangan Malaysia ke-2 (1971-1976) sebagai satu strategi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Malaysia pelbagai kaum dalam proses pembangunan ekonomi Malaysia. Pihak pemerintah Barisan Nasional (PERIKATAN pada waktu itu), khususnya UMNO, menyatakan bahawa punca utama kepada tercetusnya Peristiwa 13 Mei 1969 adalah kerana begitu terpinggirnya masyarakat Melayu di dalam aktiviti ekonomi di negara ini. Berdasarkan kepada alasan tersebut,

DEB yang terkandung di dalamnya dua matlamat yang utama iaitu pertama, membasmi kemiskinan dan jurang perbezaan kelas di kalangan masyarakat Malaysia; dan kedua mengstrukturkan semula masyarakat Malaysia berasaskan kaedah pengimbangan ekonomi di perkenalkan dengan pemerintah Malaysia yang diterajui oleh Barisan Nasional memainkan peranan yang penting.

Justeru, tidak hairanlah selepas daripada pelancaran DEB pada tahun 1971, terbukti jelas akan peranan pemerintah (baca kerajaan Barisan Nasional) di dalam konteks pembangunan ekonomi politik Malaysia selepas 1971. Bukti empiri terhadap fenomena tersebut dapat diteliti melalui penubuhan institusi-institusi pembangunan ekonomi seperti Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pembangunan Industri Pekebun-Pekebun Kecil Getah Malaysia (RISDA). Sementara di peringkat pemerintah negeri di bentuk institusi-institusi ekonomi politik yang berperanan sebagai sayap ekonomi (*the money making arms*) untuk pemerintah peringkat negeri seperti Perbadanan Iktisad atau Perbadanan Ekonomi Negeri¹⁴.

Penubuhan institusi-institusi pemerintah yang sedemikian bukan sahaja menggambarkan kepada peranan pemerintah yang begitu terpusat di dalam proses pembangunan ekonomi-politik Malaysia, tetapi juga harus diakui bahawa dari sudut sosio-politiknya mempunyai matlamat untuk menyerap masyarakat Malaysia yang terpinggir (khususnya masyarakat Melayu) ke dalam sistem ekonomi kapitalis. Dan yang lebih implisit adalah bertujuan untuk mengurangkan jurang perbezaan kekayaan di antara kaum di Malaysia. Ini secara tidak langsung turut membantu memobilisasi masyarakat di Malaysia untuk lebih berinteraksi di dalam kerangka sistem pembangunan ekonomi politik Malaysia.

Maka, tidak hairanlah di sekitar awal tahun 1980an dan pertengahan tahun 1980an, pemerintah Malaysia menerokai konsep pembangunan ekonomi dari yang berasaskan pertanian komersial kepada pengantian import (*import-substitutions*) dan juga industri pembuatan (*manufacturing industry*). Tidak dapat dinafikan bahawa semenjak pemerintah Malaysia mengamalkan pendekatan berorientasikan pembangunan, pertumbuhan ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang begitu baik dalam konteks pertumbuhan ekonomi dunia. Namun di sebalik pendekatan yang dikatakan bertujuan untuk melindungi kepentingan nasional dan masyarakat keseluruhannya, sebagaimana yang telah disentuh secara sepintas lalu di awal perbincangan; ia juga telah memberi impak timbal-balik terhadap perkembangan demokrasi dan orientasi budaya politik di kalangan masyarakat.

Keterlibatan pemerintah Malaysia yang begitu dominan di dalam konteks pembangunan ekonomi-politik Malaysia, telah memberi ruang politik yang dominan kepada Barisan Nasional selaku pemerintah Malaysia semenjak 1957 untuk mengkonstruksi suatu bentuk *ideologi populis* terhadap masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat Melayu. Melalui pendekatan pemerintah dan pembangunan ini, pemerintah telah berjaya menanam suatu bentuk orientasi budaya politik bahawa hanya pemerintah yang sedia ada sahaja mampu untuk mewujudkan kestabilan ekonomi-politik di Malaysia. Rancangan pembangunan ekonomi seperti FELDA, FAMA, FELCRA, dan juga HICOM, umpamanya telah berjaya mengawal sebarang bentuk penentangan politik (*political resistance*) dan pemuluan sokongan politik (*political boycott*) daripada majoriti masyarakat¹⁵.

Ideologi populis telah dimanipulasikan secara baik dalam konteks persaingan politik di dalam pilihan raya. Kempen-kempen pilihan raya oleh parti Barisan Nasional akan sentiasa dilihat sebagai suatu bentuk imej 'kerajaan'. Jika dibuat analisa dalam konteks siri-siri pilihan raya yang di telah diadakan di Malaysia semenjak tahun 1955, pendekatan ideologi populis telah 'dialatkan' sebagai suatu bentuk mekanisme untuk parti Barisan Nasional meraih sokongan politik. Kerap kali dilihat dalam konteks pilihan raya di Malaysia, pilihan raya bukan sahaja sebagai suatu medium untuk rakyat mempraktik hak demokrasi, tetapi turut digunakan sebagai *platform* oleh parti Barisan Nasional untuk mengistiharkan dasar-dasar kerajaan dan program-program pemerintah.

Dalam konteks ini, pengistiharan dasar atau program pembangunan kerajaan melalui pilihan raya sebagai 'platform' telah dilihat oleh rakyat sebagai program parti iaitu Barisan Nasional. Misalnya, dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan pada 19 Januari 2002, pelbagai bentuk pengistiharan populis telah di buat oleh pihak pemerintah (Barisan Nasional) seperti pengistiharan peruntukkan tambahan untuk menaik taraf Majlis Perbandaran Kangar sebanyak 100 juta ringgit, pengumuman pembinaan Universiti aliran Tamil oleh Dato' Seri samy Vellu di Kedah serta pelbagai pengumuman peruntukkan kecil yang telah di buat dalam kempen pilihan raya tersebut¹⁶.

Orientasi populis sedemikian bukan sahaja bertujuan untuk meraih sokongan politik daripada pengundi dalam masa terdekat, tetapi dalam konteks yang lebih meluas, bertujuan untuk memperkukuhkan kawalan hegemoni intelektual pemerintah terhadap masyarakat. Melalui penguasaan faktor ekonomi (dasar) dan juga kawalan politik, parti pemerintah berjaya mengkonstruksikan serta meletakkan tahap kesedaran palsu (*false consciousness*) di dalam minda masyarakat berhubung dengan

pengertian dan perbezaan di antara dasar pemerintah dan program parti. Aspek ini - penguasaan dan penggunaan faktor ekonomi dan politik dalam meraih sokongan politik massa - sebenarnya telah diteliti dan dibahasakan oleh Frey (1978)¹⁷. Frey menjelaskan bagaimana dalam sesebuah sistem politik itu - khusus di negara-negara sedang membangun atau miskin yang rata-rata masyarakatnya masih lagi mempunyai tahap pendidikan yang rendah - wujud kekeliruan di kalangan masyarakat terhadap falsafah dan fungsi sistem politik dimana mereka menjadi sebahagian daripada ahlinya. Kerap terjadi di kalangan masyarakat melihat sistem politik itu sebagai suatu sistem yang berpayungkan kepada aktiviti dan program yang dijalankan oleh parti-parti politik yang bersaing untuk mendapatkan kuasa memerintah.

Walhal, dalam pengertian yang sebenar program atau aktiviti yang dijalankan oleh sesebuah parti politik itu adalah merupakan sebahagian daripada sistem politik yang lebih luas ruang lingkupnya. Kekeliruan ini menjadi bertambah serius apabila sesuatu pilihan raya diadakan. Parti yang mempertahankan kuasa, atas prinsip kerajaan sementara (*caretaker government*), akan menggunakan aparat-aparat pemerintah untuk memperkukuhkan ideologi populis dan seterusnya mengawal hegemoni intelektual di kalangan masyarakat. Pandangan Frey (1978) melalui model ekonomi politik beliau amat bersesuaian apabila menjelaskan fenomena amalan demokrasi dan pilihan raya di negara ini. Cuma wujud semacam suatu bentuk faktor sumbang-menyumbang apabila mengguna-pakai model beliau dalam menjelaskan fenomena demokrasi dan pilihan raya di Malaysia, iaitu nilai dan norma feudal dalam bentuk moden atau sering di sebut sebagai neo-feudal. Percampuran di antara program pemerintah-parti (model ekonomi-politik) dan nilai-nilai neo-feudal tersebut, akhirnya memperlihatkan kepada kita fenomena *patron-client* dalam sistem demokrasi—khususnya pilihan raya, atau apa yang di istilah di dalam penulisan ini sebagai *patronaged democracy* yang seterusnya mengukuhkan hegemoni intelektual pemerintah terhadap masyarakat terbanyak.

Pilihan raya Dan Hegemoni Pemerintah: Pilihan raya DUN Sarawak 2001

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem persekutuan atau disebut juga sebagai federalisme didalam pentadbiran politiknya. Penguasaan politik kerajaan negeri oleh parti yang sealiran ideologi atau matlamat dengan parti yang berkuasa di peringkat Pusat adalah penting bagi menjamin penguasaan politik dan ideologi yang berterusan. Maka,

fenomena *patronaged-democracy* diperluaskan di peringkat negeri melalui pendekatan dan kaedah yang sama sebagaimana yang wujud di peringkat kerajaan Pusat. Hal ini dapat kita lihat apabila meneliti perkembangan demokrasi dan pilihan raya di Sarawak¹⁸. Namun, harus dijelaskan di sini bahawa *patronaged-democracy* yang wujud dalam konteks perkembangan dan pembangunan demokrasi di Sarawak bukanlah satu bentuk ideologi yang di 'eskport' dari kerajaan Pusat di Kuala Lumpur; nilai-nilai *patronaged-democracy* ini sebenarnya telah wujud dan tersemam sewaktu Sarawak masih lagi berada di bawah pengaruh keluarga Brooke-British (1841-1946)¹⁹.

Situasi tersebut (*patronaged-democracy*) semakin jelas terserlah apabila parti politik mula di bentuk secara formal di Sarawak pada sekitar tahun 1950an. Ini dapat dilihat melalui kemunculan parti-parti politik yang dikuasai oleh golongan aristokrat ataupun pemimpin-pemimpin kumpulan etnik masing-masing. Fenomena ini menjadi semakin dominan apabila Sarawak menyertai persekutuan Malaysia pada tahun 1963; dan selepas tahun 1970an idealisme *patronaged-democracy* mula 'menular' secara kukuh didalam konteks orientasi budaya politik masyarakat Sarawak, melalui penguasaan pemerintah peringkat negeri yang di kenali sebagai Barisan Nasional + 3 (BN+3), yang diketuai oleh Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB). BN+3, yang diketuai oleh PBB, melalui ideologi *patronaged-democracy*, telah berjaya meletakkan imej parti *vanguard* dalam konteks orientasi budaya politik masyarakat Sarawak. Imej ini menjadi semakin bertambah dominan dan hegemoni apabila Tan Sri Taib Mahmud menerajui kerjaan BN+3 Sarawak sebagai Ketua Menteri menggantikan Tun Abdul Rahman Ya'kub pada tahun 1981.

Imej pemerintah negeri di bawah BN+3 sebagai parti *vanguard* terhadap kesejahteraan sosio-politik masyarakat Sarawak bertambah penting dalam orientasi budaya politik mereka apabila pada tahun 1992, ketua menteri, Tan Sri Taib Mahmud mengistiharkan wawasan beliau dalam konteks menjana pertumbuhan ekonomi-politik Sarawak melalui dasar Politik Pembangunan (PP). Politik Pembangunan sebagai polisi payung dalam konteks pembangunan ekonomi politik secara amnya adalah merupakan suatu bentuk dasar yang bersifat saling-menyumbang terhadap wawasan 2020 yang diistiharkan oleh Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1990. Politik Pembangunan menurut Tan Sri Taib Mahmud adalah suatu bentuk dasar ekonomi-politik yang menunjangi (*backbone policy*) dasar-dasar lain yang di laksanakan oleh pemerintah BN+3 di Sarawak. Beliau seterusnya menjelaskan secara terperinci idealisme Politik Pembangunan:

The POD (politics of development) is a total commitment to development objectives. In other words, we put development objectives as paramount in our political actions. If at one time or another, our political interest is in conflict with the development objectives, the former should by all means give way to the development objectives in as far as politics allows us to do so. In other words, our politics must be subservient to the demands of development, and that means, we who are the leaders, whether at the top or grassroots level must be aware of our vital role as the representatives of the people²⁰

Adalah jelas bahawa matlamat Politik Pembangunan bertunjangkan khidmat pembangunan material kepada masyarakat Sarawak. Dalam kerangka Politik Pembangunan inilah, parti pemerintah di Sarawak memperkukuh dan menyebarkan hegemoni intelektual sebagai satu aset untuk mendominasi politik Sarawak, khususnya perkembangan politik selepas 1992. Hegemoni intelektual yang disebarkan melalui Politik Pembangunan ini telah melahirkan pelbagai bentuk orientasi budaya politik yang sinonim dengan ideologi *patronaged democracy*; umpamanya dalam kerangka Politik Pembangunan tersebut, sumber-sumber penghasilan kekayaan untuk pembangunan seperti konsesi balak, kontrak-kontrak perniagaan dan pembinaan infrastuktur di salurkan kepada rakyat melalui elit-elit politik yang menjelmakan imej 'patron-pembangunan'; dan seterusnya menjana dan membentuk orientasi pemikiran politik masyarakat bergantung kepada hegemoni intelektual pemerintah yang akhirnya menjamin kesetiaan sokongan politik masyarakat terhadap parti yang memerintah.

Sewaktu pilihan raya imej *electoral-patron* dijelmakan oleh parti pemerintah (melalui konsep kerajaan sementara atau *caretaker government*) untuk mengistiharkan beberapa projek pembangunan terhadap kelompok masyarakat sebagai suatu bentuk 'pertukaran undi' dan 'sokongan politik' kepada calon parti pemerintah yang bertanding. Sebagai penelitian, sewaktu pilihan raya negeri 1996, sejumlah RM50 juta nilai projek pembangunan telah diistiharkan oleh parti pemerintah sewaktu berkempen. Ini secara tidak langsung menunjukkan kepada masyarakat Sarawak akan keupayaan politik parti BN+3 dalam menerajui pembangunan ekonomi politik Sarawak. Implikasinya, parti BN+3 telah memenangi lebih daripada 90 peratus kerusi yang dipertandingkan pada tahun tersebut²¹.

Keputusan tersebut secara tidak langsung menunjukkan betapa *patronaged-democracy* yang diamalkan oleh pemerintah telah berjaya

membentuk suatu rangkaian hubungan *penaung-dinaung* dalam kerangka sistem demokrasi. Penonjolan nilai *penaung-dinaung* yang begitu dominan itu telah secara implisitnya meletakkan idealisme demokrasi tersulam dalam nilai neofeudal yang dikonstruksikan kembali oleh elit politik dalam amalan demokrasi pasca-merdeka di Malaysia amnya dan Sarawak khususnya. Menyedari akan keupayaan idealisme tersebut mampu untuk mengekalkan status-quo parti pemerintah, dalam pilihan raya Negeri Sarawak 27 September 2001 yang baru lalu, hegemoni intelektual pemerintah melalui *patronaged democracy* sekali lagi telah dimanipulasi secara maksima oleh pihak parti pemerintah dalam menghadapi saingan politik daripada parti pembangkang.

Pilihanraya DUN Sarawak yang baru lalu, dalam jangkaan awal beberapa pemerhati politik Sarawak sebagai suatu yang amat menarik untuk diperhatikan khususnya dari sudut ujian politik terhadap keupayaan hegemoni intelektual pemerintah melalui amalan *patronaged-democracy* untuk kekal meraih kesetiaan sokongan politik daripada majoriti rakyat Sarawak. Andaian ini dilihat berdasarkan kepada beberapa faktor umum dan khusus yang wujud di peringkat politik nasional dan negeri. Pertama, di peringkat nasional, *patronaged democracy* yang didukung oleh Barisan Nasional telah disaingi dengan hebat oleh parti pembangkang yang semenjak 1998 telah membentuk pakatan pembangkang berlandaskan kepada idealisme demokrasi-adil, iaitu melalui pembentukan Barisan Alternatif (BA) yang diterajui oleh *Democratic Action Party* (DAP), Parti Islam se-Malaysia (PAS), dan Parti KeAdilan, pimpinan bekas isteri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim iaitu Datin Wan Azizah Ismail²².

Pembentukan pakatan pembangkang iaitu BA, jika diperhatikan secara eksplisit hanyalah merupakan suatu fenomena yang normal dalam konteks perkembangan parti pembangkang di Malaysia. Ini kerana sebelum inipun pernah terbentuk gagasan pakatan di antara parti pembangkang di Malaysia, seperti Barisan Sosial pada tahun 1960an, dan Gagasan Rakyat-Angkatan Perpaduan Ummah pada tahun 1990. Namun, pembentukan pakatan pembangkang BA dilihat pada kali ini mampu untuk menyaingi Barisan Nasional sama ada dari sudut fizikal ataupun idealisme. BA dilihat oleh para pemerhati politik bukan sekadar suatu bentuk pakatan pembangkang yang *ad-hoc*; iaitu tanpa idealisme yang jelas; malah dilihat sebagai pakatan yang konkrit, khususnya dari sudut idealisme dan orientasi politik yang berlandaskan kepada idealisme demokrasi dan keadilan.

Idealisme demokrasi dan keadilan ini dikatakan mampu untuk menyaingi hegemoni *patronaged-democracy* yang tertanam kukuh di dalam pemikiran dan orientasi politik majoriti masyarakat Malaysia.

Keyakinan tersebut menjadi semakin optimistik apabila dalam pilihan raya umum 1999 dan beberapa siri pilihan raya kecil seperti pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sanggang, Pahang, Parlimen Teluk Kemang, Negeri Sembilan dan juga DUN Lunas, Kedah, pakatan pembangkang BA telah menunjukkan prestasi yang baik; iaitu mampu untuk menyaingi dominasi hegemoni *patronaged democracy* BN. Malah di Terengganu dan DUN Lunas, idealisme demokrasi dan keadilan telah 'menewaskan' dominasi kuasa politik BN. Perkembangan ini memberikan penelitian yang amat menarik untuk dikaji di Sarawak, apatah lagi BA turut memberikan saingan politik.

Kedua, Tan Sri Taib Mahmud, selaku Ketua Menteri Sarawak, merangkap Presiden Parti PBB, telah mengistiharkan yang beliau tidak akan mempertahankan kerusi DUN Asajaya yang telah beliau wakili sejak 8 tahun pada pilihanraya DUN Sarawak kali ini. Sebaliknya beliau akan bertanding di kerusi DUN Balingian, terletak di daerah Mukah. Perkembangan ini telah menimbulkan pelbagai spekulasi politik di kalangan para pemerhati; dan spekulasi paling menonjol adalah berhubung dengan kehakisan dominasi *patronaged democracy* Tan Sri Taib Mahmud terhadap pengundi-pengundi di kawasan Asajaya. Kedua-dua perkembangan tersebut dilihat sebagai faktor pendorong kepada kesimpulan bahawa pilihanraya DUN Sarawak 2001 bakal menjanjikan suatu penelitian ilmiah yang amat menarik untuk dikaji.

Dewan Undangan Negeri Sarawak yang dibubarkan pada 13 September 2001 merupakan suatu pengumuman rasmi bahawa pilihanraya negeri kelapan akan diadakan. Sebagaimana yang telah diketahui, pilihanraya tersebut menyaksikan pertandingan antara lapan buah parti politik dan 172 calon. Pada hari penamaan calon sejumlah empat kerusi dimenangi tanpa bertanding oleh calon Barisan Nasional (BN), iaitu di N11 Batu Kawa, N25 Batang Ai, N49 Katibas dan N62 Ba'kelalan. Kemenangan empat kerusi oleh BN tanpa bertanding tidak bermakna bahawa, calon-calon dari BN akan mendapat laluan mudah di kawasan-kawasan lain yang ditandingi. Ini jelas terbukti apabila BN, bermula dari tarikh penamaan calon hingga ke hari pembuangan undi telah menggerakkan secara optima jentera kempen BN bagi memastikan kemenangan parti tersebut di dalam pilihan raya DUN kelapan ini.²³

Sebagaimana yang telah disentuh secara sepintas lalu di bahagian awal penulisan bab ini bahawa pengujian terbesar bagi sesebuah parti pemerintah adalah keupayaan untuk mengekalkan kuasa. Dalam konteks pemerintah BN Sarawak, pilihan raya DUN kelapan dilihat sebagai satu proses pilihan raya yang mencabar dan tidak boleh diambil ringan. Ini kerana perkembangan politik semasa yang berlaku di Sarawak amnya

dan Malaysia khususnya, menunjukkan bahawa ideologi politik BN kini menghadapi saingan politik yang hebat daripada gabungan parti pembangkang. Dalam konteks Sarawak umpamanya, ideologi Politik Pembangunan yang dipelopori oleh kepimpinan Ketua Menteri Tan Sri Taib Mahmud semenjak tahun 1992, menghadapi tentangan kritikan daripada parti pembangkang.²⁴

Bagi membendung dan memastikan ideologi pemerintah kekal bertaut di dalam pemikiran masyarakat maka kempen pilihan raya merupakan pentas yang amat sesuai bagi pemerintah untuk melakukan proses pengukuhan kembali ideologi politik di kalangan masyarakat. Justeru dalam kempen pilihan raya DUN Sarawak 2001 ini parti Barisan Nasional mengengahkan kaedah pembujukan pemikiran yang bersifat rasional dan persuasif. Ini jelas terserlah didalam moto pilihanraya Barisan Nasional yang mengungkapkan tema 'Bergerak Bersatu Untuk Sarawak Yang Lebih Gemilang'. Bergerak didalam konteks ini merujuk kepada simbol penyebaran ideologi pemerintah yang membawa maksud pembangunan bersama Barisan Nasional, sementara Bersatu membawa erti perpaduan seiring dengan Barisan Nasional.²⁵

Melalui moto pilihan raya yang bersifat sedemikian rupa, BN cuba untuk memberi mesej kepada pengundi Sarawak bahawa hanya parti BN sahaja yang mampu untuk merubah dan meningkatkan taraf hidup masyarakat di negeri tersebut. Mesej ini jelas di canangkan oleh calon-calon BN yang bertanding. Contoh yang paling jelas adalah kenyataan akhbar oleh Lily Yong calon Barisan Nasional yang bertanding di DUN Padungan bahawa matlamat utama di DUN Padungan adalah untuk memastikan bahawa tanggungjawab BN sebagai parti pembawa pembangunan di kawasan tersebut kekal. Kenyataan tersebut secara implisitnya bertujuan untuk mempengaruhi minda masyarakat atau pengundi kawasan Padungan bahawa pembangunan hanya boleh dimaterialkan apabila masyarakat kekal setia mengundi parti Barisan Nasional. Ini ternyata berhasil apabila keputusan pilihan raya DUN Padungan dimenangi oleh Lily Yong.²⁶

Sewaktu kempen pilihan raya dijalankan (dari 18 September 2001 sehingga tengah malam 26 September 2001), jelas menunjukkan bahawa *patronaged democracy* adalah merupakan tunjang di dalam program-program kempen yang di jalankan oleh parti pemerintah. Umpamanya, semenjak hari penamaan calon lagi, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri, yang mengiringi Tan Sri Taib Mahmud ke pusat penamaan calon di bandar Mukah, elemen *patronaged democracy* telah ditonjolkan kepada masyarakat Mukah melalui perasmian sekolah baru iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan

(SMK), Bandar Baru Mukah²⁷. Malah lawatan beliau telah di sambut sebagai simbol pulangnya seorang pahlawan ke kampung halaman dengan diringi oleh sambutan yang bersifat feudal.²⁸

Fenomena yang sama dapat diteliti dalam setiap kempen atau program parti yang dilakukan oleh pihak parti pemerintah. Tan Sri Taib Mahmud, ketika melakukan program kempen parti PBB (baca BN+3) di Lawas, menyatakan dengan jelas bahawa pemerintah BN+3 Sarawak sedang merancang dan menyediakan sebanyak RM400 juta bagi tujuan untuk membangunkan prasarana Lawas, termasuk membangunkan 100 ribu hektar tanah untuk tujuan perladangan kelapa sawit bagi tempoh 6 tahun bermula dari tahun 2001²⁹. Selain dari Tan Sri Taib Mahmud, selaku Ketua Kerajaan Sementara, pemimpin-pemimpin politik kerajaan sementara yang lain juga turut menggunakan ruang masa 'tugas rasmi' sebagai medan untuk mengistiharkan projek pembangunan kerajaan. Umpamanya, Datuk Sim Kheng Hui, Menteri Muda di Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi, dalam satu majlis rasmi di Pending telah mengistiharkan pemberian peruntukkan projek kecil luar bandar bernilai RM113,000 kepada 23 persatuan di sekitar bandaraya Kuching.³⁰ Manakala, Datuk Abang Johari selaku Menteri Pelancongan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Satok turut menyampaikan bantuan kewangan kepada 84 ahli usahawan Bumiputera di kawasan Kuching.

Selain daripada program parti pemerintah yang dijalankan secara langsung oleh parti-parti komponen BN+3, aparat-aparat pemerintah turut juga dimobilisasi bagi tujuan memperkukuhkan hegemoni intelektual pemerintah. Hal ini dapat diperhatikan, umpamanya keterlibatan Jabatan Perhutanan Negeri, Petroleum Nasional (PETRONAS), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang mengistiharkan projek-projek pembangunan yang bernilai berjuta-juta ringgit atas idealisme penaung-pembangunan dan projek pembangunan kerajaan Barisan Nasional Sarawak. Selain daripada aparat-aparat pemerintah, media Massa juga turut memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan hegemoni intelektual pemerintah sewaktu kempen pilihan raya sedang berlangsung.³¹

Contoh yang paling jelas adalah peranan yang program pemimpin bersama rakyat yang diatur dan direncana oleh media massa perdana iaitu perogram wanwancara dengan pemimpin yang dikenali sebagai 'Untukmu Sarawak'. Didalam program ini, pemimpin tertinggi Barisan Nasional Sarawak seperti Datuk Adenan Satem, Datuk Haji Awang Tengah, Datuk Ariffin Taha dan Tan Sri Taib Mahmud sendiri dijemput untuk ditemubual seterusnya menjelaskan kepada penonton berhubung dengan

kemajuan dan pembangunan yang telah di capai oleh Sarawak sepanjang berada di bawah pentadbiran kerajaan Barisan Nasional. Selain daripada itu, saluran TV Perdana juga turut menyiarkan secara langsung, ucapan Perdana Menteri pada malam sehari sebelum proses pembuangan undi berlangsung. Antara intipati penting ucapan beliau adalah berhubung dengan perlu masyarakat Sarawak mengundi Barisan Nasional untuk kepentingan kesejahteraan dan pembangunan masyarakat di negeri tersebut.³²

Program tersebut secara tidak langsung bertujuan untuk mengukuhkan hegemoni intelektual pemerintah terhadap masyarakat. Selain daripada Televisyen, media cetak perdana yang sememangnya berada di bawah pengaruh dan kawalan pemerintah turut memainkan peranan dalam konteks mengukuhkan hegemoni intelektual pemerintah sewaktu tempoh berkempen sedang berlangsung. Sepanjang bulan September 2001, rata-rata media cetak perdana memuatkan berita dan rencana yang bersifat mengukuhkan hegemoni intelektual pemerintah. Sebagai contoh Utusan Sarawak keluaran Rabu, 19 September 2001 memuatkan berita penting khusus untuk masyarakat luarbandar di Sarawak amnya dan di Mukah khususnya berhubung dengan program pembangunan kerajaan BN untuk membekalkan sumber air dan elektrik ke semua sekolah di kawasan Mukah. Hal ini diumumkan sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri yang menyatakan projek yang dirancang tersebut bernilai RM23.5 juta bagi ke semua 463 sekolah luar bandar di negeri tersebut.³³

Demikian juga dalam keluaran 20 September 2001, Utusan Sarawak menyediakan satu kolum khas berhubung dengan pencapaian dan perancangan pembangunan kerajaan BN di Sarawak. Kolum tersebut di kenali sebagai 'Stail Pembangunan' memuatkan fakta dan maklumat kemajuan infrastruktur yang telah dibina oleh kerajaan BN untuk kemudahan masyarakat di negeri tersebut. Ini termasuklah pembinaan jalan-jalan raya pesisir, pembukaan lebih banyak sekolah di kawasan luar bandar dan juga pembinaan jeti-jeti perkhidmatan feri untuk kemudahan pengangkutan air. Hal yang sama juga dapat diperhatikan terhadap berita yang dipaparkan oleh akhbar *Sunday Tribune* keluaran 30 September 2001, yang secara implisitnya mengukuhkan hegemoni intelektual pemerintah khusus terhadap masyarakat Bidayah yang menyatakan bahawa pemilihan BN sebagai kerajaan di Sarawak akan mengekalkan proses pembangunan untuk masyarakat tersebut. Dalam konteks ini kenyataan Menteri Muda Kewangan Sarawak, Michael Manyin ak Jawang, yang disiarkan oleh Borneo Post menjelaskan lagi bagaimana media cetak turut berperanan dalam mengukuhkan hegemoni intelektual pemerintah terhadap masyarakat:

*'The Bidayuh community will be politically divided and economically ruined if they succumbed to the dirty tricks of the opposition politicians'*³⁴

Dalam erti kata lain kenyataan tersebut merupakan mesej intelektual pemerintah terhadap masyarakat bahawa sebarang bentuk sokongan politik selain daripada Barisan Nasional akan membawa kepada implikasi ekonomi politik yang negatif terhadap kelangsungan sosio-politik masyarakat itu sendiri.

Apabila keputusan pilihan raya diumumkan pada malam 27 September 2001, sekali lagi parti BN+3 Sarawak kembali menerajui tampok pemerintahan negeri. Terdapat pelbagai analisa yang telah dibuat berhubung dengan kemenangan BN+3 iaitu menguasai hampir 99 peratus kerusi di DUN Sarawak. Bersandar kepada konsep hegemoni politik yang dikemukakan oleh Gramsci (1971) yang disalurkan melalui *patronaged democracy* yang diamalkan didalam konteks demokrasi dan pilihan raya di Sarawak khasnya dan Malaysia amnya, jelas menunjukkan bahawa, pemerintah bukan sahaja mengawal institusi-institusi pemerintahan yang ada, tetapi juga membentuk dan menguasai orientasi pemikiran dan budaya politik masyarakat. Dalam konteks tersebut parti pemerintah berjaya membentuk imej sebagai parti vanguard iaitu suatu bentuk atau konsep patron baru atau *neopatron* dalam konteks melindungi dan menjaga kepentingan masyarakat.

Dalam konteks struktur masyarakat Malaysia yang begitu kompleks dan pelbagai, khususnya di Sarawak (malah struktur masyarakatnya lebih kompleks dan heterogen berbanding dengan struktur masyarakat di Semenanjung), menjadikan idealisme *patronaged democracy* amat cocok dan sesuai dengan latar masyarakatnya, justeru memudahkan pemerintah pasca kolonial untuk menyebarkan hegemoni politik kepada masyarakat. Hubungan kebergantungan yang bersifat timbal balik yang terbentuk melalui konstruksi imej patron-pembangunan, pengundi-naungan, dan juga parti *vanguard*, telah berjaya membina dan mengikat pembangunan intelektualisme masyarakat; khususnya orientasi politik masyarakat terhadap pemerintah, seiring dengan aspirasi pemerintah yang berkuasa dan seterusnya membina tembok intelektual yang begitu bersifat hegemoni-pemerintah, dalam ruang atau spektrum persaingan demokrasi yang wujud di antara pemerintah dan rakyat.

Kesimpulan

Bab ini telah meneliti beberapa aspek amalan nilai demokrasi dan pilihan raya di negara ini [Malaysia]. Bersandarkan kepada konsep hegemoni

politik, penulisan ini cuba membahaskan bahawa dominasi politik pemerintah Barisan Nasional sama ada di peringkat Pusat atau Negeri, tidak mampu dijelas dan difahami secara holistik dengan hanya menggunakan penjelasan institusional yang berasaskan kaedah analisis satu kes terhadap satu kes. Penulisan ini mengambil pendirian bahawa hegemoni politik Barisan Nasional perlu di lihat dalam konteks yang lebih menyeluruh iaitu dengan mengambil kira hubungan saling menyumbang di antara elemen ekonomi dan politik seperti amalan *patronaged democracy* dan juga parti vanguard yang menambah kukuh hegemoni intelektualisme di antara pemerintah dan rakyat sebagaimana yang disarankan oleh Gramsci (1971) dalam menjelaskan fenomena kegagalan pembangkang menyaingi hegemoni politik pemerintah di Italy pada awal abad ke-20. Dalam erti kata lain ide yang menyatakan bahawa pilihan raya sebagai suatu ciri penting demokrasi dan 'ruang' bebas bagi rakyat turut serta di dalam proses politik terkandung retorik intelektual yang perlu dibahaskan semula secara ilmiah.

NOTA AKHIR

¹ Penulisan ini dihasilkan melalui penyelidikan pilihan raya DUN Sarawak yang dibiayai oleh Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK), UKM. Penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Kedekanan fakulti FSSK yang telah meluluskan peruntukkan bagi menjalankan penyelidikan tersebut.

² Dahl (1971) dalam bukunya *Polyarchy* turut menjelaskan bahawa sesebuah sistem politik yang dikuasai terlalu lama oleh seseorang atau sekumpulan tertentu, sama ada ianya bersifat demokrasi atau bukan demokrasi akan berkecenderungan untuk berkembang ke arah kediktatoran. Untuk penjelasan lanjut sila lihat Robert Dahl. 1970. *Polyarchy: Participation and Opposition*. New Haven: Yale University Press.

³ Untuk keterangan lanjut berhubung dengan aspek ini sila lihat Seymour Martin Lipset. 1960. *Political Man*. London: Heinemann

⁴ Sekumpulan penyelidik sains politik daripada University of Stanford, yang di ketuai oleh Diamond (2001) dalam kajian mereka berhubung dengan perkembangan dan amalan demokrasi di Asia telah meletakkan pilihan raya sebagai salah satu barometer untuk menentukan darjah demokrasi sesebuah negara itu. Untuk penelitian selanjutnya sila lihat Larry Diamond. 2001. *How People View Democracy: Findings from Public Opinion Surveys in Four Regions*. Paper presented at the seminar on Democractization, Stanford University, 11 January, 2001. Lihat juga Lipset (1960); David Held. 1993. *Prospects for Democracy: From West to the East*. London: Polity Press.

⁵ Apa yang dimaksudkan dengan non-intelektual di dalam konteks penulisan ini adalah institusi-institusi pemerintah yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan proses pilihan raya. Contohnya di Malaysia ialah Suruhanjaya Pilihan raya (SPR). SPR di lihat di dalam konteks non-intelektual sebagai satu badan yang bersifat berkecuali dalam mengendalikan proses dan perjalanan pilihan raya.

⁶ Untuk perbincangan yang lebih terperinci sila lihat Stanley Bedlington. 1978. *Malaysia and Singapore: The buildings of New States*. Ithaca and London: Cornell University Press.

⁷ Untuk keterangan lanjut sila lihat umpamanya, Zakaria Hj Ahmad. 1989. *Malaysia: Quasi-Democracy in a Divided Society*, Dlm. Diamond, Linz dan Lipset. Eds. *Democracy in Developing Societies: Vol. Asia*.

⁸ Aspek ini telah dibincangkan secara terperinci oleh Anne-Munro Kua. 1996. *Auhtoritarian populism in Malaysia*. London: Macmillan Press.

⁹ Untuk keterangan lanjut lihat umpamanya siri-siri laporan yang diterbitkan oleh Newsweek sepanjang tempoh September 1998 sehingga Julai 1999.

¹⁰ Aspek ini sebenarnya pernah disentuh dan dibahaskan oleh Chandra Muzaffar. 1970. *Protector*. Aliran: Pulau Pinang.

¹¹ Konsep hegemoni-intelektual ini diperkenalkan dan dikembangkan oleh Antonio Gramsci. 1971. *Selections from the Prison Notebooks of Antonio Gramsci*, Q. Hoare and G. Nowell Smith (eds). London: Lawrence. Beliau menggunakan konsep tersebut dalam menjelaskan kegagalan revolusi proletar yang dilancarkan oleh golongan tani di selatan Italy disekitar 1900.

¹² Untuk keterangan lanjut berhubung dengan latar-belakang peristiwa 13 Mei dan juga pelaksanaan DEB sila lihat, umpamanya, Selvaratnam. 1982. 'Towards National Harmony' in A Year of Political transition', *Southeast Asian Affairs*, Singapore: ISEAS.

¹³ Lihat R.H Green. 1974. 'The role of the state as an agent of economic and social development in the least developed countries', *Journal of Development Planning*, No.6, pp: 1-40.

¹⁴ Untuk perbincangan yang menarik berhubung dengan hal ini lihat, Richard Leete. 1996. *Malaysia's Demographic Transition: Rapid development, Culture, and Politics*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

¹⁵ Sila lihat Anne-Munro Kua (1996).

¹⁶ Untuk keterangan lanjut sila lihat laporan akhbar Berita Harian bertarikh 17 Januari 2002.

¹⁷ Untuk keterangan lanjut berhubung dengan model ekonomi politik Frey sila lihat, B.S. Frey. 1978. *Modern Political Economy*. Oxford: Martin Robertson.

¹⁸ Sarawak yang terletak di sebelah barat kepulauan Borneo mempunyai keluasan geografi yang bersaiz 724,450 kilometer persegi. Sarawak merupakan negeri yang paling besar di dalam persekutuan Malaysia. Populasi penduduk Sarawak adalah bersifat majmuk iaitu terdiri daripada pelbagai latar etnik, seperti Iban, Bidayuh, Melayu, Melanau, Kayan dan Kenyah. Tidak sebagaimana komposisi penduduk di Semenanjung yang terdiri daripada 55% Melayu, 34% Cina, dan 11% India serta lain-lain etnik, di Sarawak tidak ada satu pun kumpulan etnik yang membentuk kumpulan etnik yang majoriti. Menurut perangkaan statistik penduduk 1998, penduduk Sarawak adalah berjumlah 1.99 juta orang; dimana 5.6% adalah etnik Melanau, 21.4% etnik Melayu, 28.6% etnik Iban, 8% etnik Bidayuh, 6% terdiri daripada lain-lain kumpulan etnik bumiputra, 27% etnik Cina dan 3.9% terdiri daripada lain-lain etnik. Untuk perangkaan terperinci sila lihat perangkaan Jabatan Statistik Malaysia, 1998.

¹⁹ Untuk perbincangan yang komprehensif berhubung dengan latar belakang sejarah politik Sarawak sila lihat Sabihah Osman. 1987. *Malay-Muslim Political Participation in Sarawak, 1952-1987*. Singapore: ISEAS

²⁰ Untuk penelitian yang lebih lanjut sila lihat Abdul Taib Mahmud. 1992. 'The Politics of Develoement: Roles of the Challenges for the Elected Representative', *Jurnal Azam*, VIII, p: 2-15.

²¹ Untuk perbincangan yang menarik sila lihat Andrew Aeria. 1997. 'The Politics of Development and The 1996 Sarawak Elections', *Kajian Malaysia*, vol. XV, pp: 57-83.

²² Untuk keterangan lanjut sila lihat Shamsul A.B. 1999. *The Redefinition of Politics and the Transformation of Malaysian Pluralism*.

Research Workshop on Southeast Asian Pluralism, August 5-6, Shah Village Hotel, Petaling Jaya, Kuala Lumpur.

²³ Untuk keterangan lanjut sila lihat Utusan Sarawak 19 September 2001.

²⁴ Ini jelas terbukti apabila sewaktu kempen pilihan raya Umum 1999 di Sarawak, ideologi Politik Pembangunan kerajaan BN Sarawak di kritik hebat oleh parti pembangkang, khususnya dari aspek nepotisme, korupsi dan juga ketidaktelusan. Ini menyebabkan keputusan pilihan raya Umum 1999 di Sarawak tidak begitu menunjukkan keutuhan kerajaan BN Sarawak yang telah berkuasa semenjak tahun 1963 lagi.

²⁵ Temubual dengan petugas-petugas parti PBB di DUN Pantai Damai berhubung dengan maksud moto pilihan raya Barisan Nasional Sarawak pada 27 September 2001.

²⁶ Sarawak Tribune 13 September 2001.

²⁷ Lihat laporan akhbar Utusan Sarawak, 19 September 2001.

²⁸ Untuk keterangan lanjut berhubung dengan hal ini sila lihat bab tulisan Dr. Hanapi Dollah & Sdr Mohd Rizal Yaakob yang berjudul Tradisionalisme Dalam Politik Sarawak.

²⁹ Utusan Sarawak, 20 September 2001; lihat juga New Straits Times, 19 September 2001, yang jelas melaporkan kenyataan Tan Sri taib Mahmud seperti berikut: '*Taib: I'm contesting to bring development to Balingian*'.

³⁰ Untuk keterangan lanjut sila lihat Borneo Post 6hb September 2001.

³¹ Untuk meneliti hal ini sila lihat laporan akhbar seperti Boneo Post, New Strait Times dan juga Utusan Sarawak di antara 13 September 2001 hingga 26 September 2001.

³² Program 'Untukmu Sarawak' disiarkan khas oleh TV1 sepanjang tempoh berkempen pilihan raya DUN Sarawak 2001 bermula jam 7.30 malam.

³³ Bagi keterangan lanjut sila lihat Utusan Sarawak, 19 September 2001.

³⁴ Sila lihat Borneo Post 12 Ogos 2001.